

PM gesa peniaga giatkan ekonomi dalam negeri

KUALA LUMPUR, Ahad — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta peniaga berusaha membebaskan negara ini daripada tekanan ekonomi negara-negara asing, dengan meningkat dan mempelbagaikan kegiatan ekonomi dalam negeri sendiri.

Katanya, lebih banyak kegiatan ekonomi dalam negeri perlu digerakkan supaya pertumbuhan ekonomi tempatan tidak terlalu bergantung kepada eksport barangan utama seperti getah, bijih timah dan kelapa sawit sahaja.

"Kelembapan ekonomi yang berlaku sekarang berpunca daripada penurunan harga barangan mentah yang dieksporthan dan ia kemudian menjelaskan semua barangan eksport yang lain," kata Perdana Menteri ketika merasmikan restoran terapung *Nelayan* di Taman Tasik Titiwangsa, di sini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, berikutan penurunan harga barang-barang itu secara mendadak, kekayaan dan kehidupan rakyat negara ini terancam.

"Lebih baik negara ini bergantung kepada kegiatan ekonomi dalam negara sendiri seperti perniagaan dan perusahaan yang berasaskan kekayaan negara serta mempunyai daya untuk meningkatkan kegiatan ekonomi keseluruhannya," kata beliau.

Menurut Perdana Menteri, ekonomi negara ini tumbuh kerana ia mengeksport barang-barang utama dan meningkatkan kegiatan ekonomi dalam negara sendiri.

yaah dan kekayaan seseorang dalam bidang perniagaan serta perusahaan kerana sebenarnya kejayaan itu memberi faedah dan keuntungan kepada banyak pihak.

"Sebaliknya jika sesuatu perniagaan atau perusahaan itu rugi, pelbagai masalah akan timbul, bukan sahaja kepada pemi-

liknya tetapi juga kontraktor, pekerja, rakyat dan kerajaan," tambahnya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, sebab itulah konsep persyarikatan Malaysia penting dilaksanakan kerana kerajaan ingin melihat semua perniagaan dan perusahaan di negara ini berjalan

dengan lincin dan mendapat keuntungan.

"Kita menganggap bahawa semua perniagaan dalam negara ini adalah milik bersama kerajaan, swasta dan orang ramai kerana perniagaan itu memberi keuntungan kepada semua pihak," tambahnya.

Mudah

Beliau berkata, biasanya 50 peratus pertumbuhan ekonomi negara bergantung kepada eksport barangan utama dan 50 peratus lagi daripada kegiatan ekonomi dalam negara.

"Di negara kita, kitalah yang menguasai kegiatan ekonomi dan lebih mudah untuk meningkatkan kegiatan itu," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, dengan meningkatkan kegiatan ekonomi bermakna kemajuan ekonomi negara dapat dipesatkan dan lebih banyak peluang perniagaan dan pekerjaan tersedia bagi rakyat.

Menurutnya, salah satu cara meningkatkan kegiatan ekonomi tempatan ialah dengan menyerai bidang perniagaan dan perusahaan dan jika ia diurus dengan baik, semua pihak akan menikmati keuntungan serta faedahnya.

Beliau juga mengingatkan supaya tidak ada pihak iri hati dengan keja-